



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI KEDAH**

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit  
06550 ALOR SETAR  
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000  
Faks : 04-7001011/1068/1021  
Helpdesk : 04-7352849/4012  
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj.Kami : ANM/KD/OPS/179(23)  
Tarikh : 23 Julai 2019

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab**

Y.Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**SURAT EDARAN JANM NEGERI KEDAH BIL.6 TAHUN 2019  
PENGUNAAN *INFOTYPE* IT0015 (*ONE TIME PAYMENT*) BAGI KOD  
TUNGGAKAN GAJI DAN ELAUN SERTA KUNCI MASUK DATA PERUBAHAN  
GAJI BULAN SEMASA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa berikutan isu pembayaran Tunggakan Gaji dan Tunggakan Elaun melebihi satu (1) bulan yang kerap berlaku setiap bulan, Ibu Pejabat JANM telah mengambil tindakan dengan memindahkan empat (4) kod tunggakan ke *Infotype* IT0015 (*One Time Payment*) mulai bulan Julai 2019 seperti berikut :

Kod	Perihal	Catatan
2021	Tunggakan elaun tetap yang lain (Tahun Lalu)	(Tax – EPF) = Dikenakan Cukai dan KWSP
2022	Tunggakan elaun tetap yang lain (Tahun Lalu)	(Non Tax – Non EPF) = Dikecualikan Cukai dan KWSP
2023	Tunggakan elaun tetap yang lain (Tahun Lalu)	(Tax – Non EPF) = Dikenakan Cukai dan Dikecualikan KWSP
2024	Tunggakan elaun tetap yang lain (Tahun Lalu)	(Non Tax – EPF) = Dikecualikan Cukai dan Dikenakan KWSP

3. Pindahan kod selainnya akan dilaksanakan pada bulan Ogos 2019. Penggunaan kod 2021 – 2024 di PA30 (*Maintain Master Data*) melalui *Infotype* IT0014 (*Recurring Allowance*) akan disekat, dan akan mula digunakan di *Infotype* IT0015 (*One Time Payment*) mulai 1 Julai 2019.

4. Dicadangkan **setiap kali kunci masuk rekod di *Infotype* IT0015, *Date of Origin* adalah tarikh *default* setiap akhir bulan sama ada 30hb atau 31hb.** Inisiatif pemidahan ini dilakukan bagi meminimalkan kecuaiian sedar atau tanpa sedar serta penambahbaikan kawalan melalui Sistem iGFMAS.

5. **Sila pastikan juga maklumat perubahan gaji yang dikunci masuk di PA30 (Maintain Master Data), melibatkan data perubahan gaji bagi bulan semasa sahaja** (contoh : maklumat perubahan gaji bagi bulan Ogos, dikunci masuk mengikut tarikh yang ditetapkan dalam Jadual Pemprosesan Gaji atau mengikut tarikh yang dimaklumkan oleh Pejabat Perakaunan).

6. Pihak Y.Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan **adalah dilarang untuk mengunci masuk maklumat perubahan gaji bagi bulan ke hadapan.** (contoh : maklumat perubahan gaji bagi bulan Oktober dikunci masuk pada bulan Ogos). **Jabatan ini akan mengambil tindakan untuk menghapuskan perubahan gaji yang dibuat tidak mengikut tempoh yang ditetapkan mulai bulan Ogos 2018.**

7. Untuk sebarang pertanyaan atau penjelasan lanjut, sila hubungi pegawai di Unit Gaji JANM Kedah di talian 7001000. Tindakan dan perhatian daripada pihak Y.Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"***

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(ROHANI BINTI CHE MIE (C.A.(M))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Kedah